



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI MENYEDIAKAN SOKONGAN PEMBIAYAAN BAGI MENGGALAKKAN PENYELIDIKAN SERTA APLIKASI TEKNOLOGI DALAM INDUSTRI SOLAR

JOHOR BAHRU, 22 SEPTEMBER 2022 - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba hari ini telah merasmikan **Solar Roadshow 2022 Negeri Johor**.

Penganjuran acara ini dilihat bertepatan sebagai platform pertukaran pengetahuan antara pemain industri dan pakar pasaran untuk berdagang, berinovasi serta menerokai potensi kolaborasi dalam mencapai aspirasi menjadi negara berteknologi tinggi menjelang 2030 yang diterajui sains, teknologi dan inovasi.

Pada majlis tersebut, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba menekankan bahawa pertumbuhan industri *photovoltaic* (PV) tempatan akan memacu ekonomi hidrogen negara melalui pengeluaran hidrogen hijau daripada tenaga solar.

“Projek solar merupakan tenaga boleh diperbaharui yang semakin berkembang pesat di Malaysia kerana kos pengeluaran peralatan solar PV yang lebih rendah dan ketersediaan pembiayaan yang mudah bagi projek hijau,” kata YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba.

Tambahnya, “Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut memainkan peranan dalam membantu menyediakan sokongan pembiayaan bagi menggalakkan penyelidikan serta aplikasi teknologi dalam industri solar. Sejak tahun 2011 sehingga berakhir 2021, MOSTI telah menyediakan sokongan pembiayaan dan pinjaman berjumlah **RM254.54 juta** yang diagihkan kepada syarikat-syarikat berkaitan.”

Antara pecahan agihan pembiayaan dan pinjaman ini adalah:

- i. Menerusi pelbagai dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang disediakan seperti *ScienceFund*, *TechnoFund*, *MESTECC R&D Fund* dan *International Collaboration Fund* (ICF), peruntukan berjumlah **RM14.8 juta** telah diagihkan kepada institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan pemegang taruh industri bagi R&D tenaga solar tempatan;
- ii. MIMOS Berhad telah membangunkan empat projek R&D menerusi dana *ScienceFund* dan *Strategic Research Fund* dengan pembiayaan sebanyak **RM15.22 juta** bagi meningkatkan output kuasa solar dengan penggunaan penjejak axis tempatan dan panel solar berkecekapan tinggi melalui penggunaan bahan termaju;
- iii. Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) telah membiayai tiga (3) syarikat pakar tenaga bagi perkhidmatan sistem solar PV termasuk pembinaan loji tenaga solar berkuasa 10 megawatt (MW) menerusi Dana Modal Teroka dengan jumlah keseluruhan pembiayaan sebanyak **RM16.85 juta**; dan
- iv. Menerusi Malaysia Debt Ventures (MDV), di bawah Program *Liquidity Financing For Technology Startups* (MDV-LIFTS) yang dahulunya dikenali sebagai Program *Technology Startups Funding Relief Facility* (TSFRF) dan program pembiayaan projek atau kontrak, pinjaman dengan jumlah keseluruhan **RM207.75 juta** telah diberikan kepada 23 syarikat tempatan berasaskan teknologi tenaga solar.

Diharapkan para pemain industri solar agar terus berdiri teguh bersama dengan kerajaan dalam merealisasikan hasrat negara menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

22 SEPTEMBER 2022